

# PENGUMUMAN TERKINI

## PROGRAM MALAYSIA MY SECOND HOME (MM2H)

---

### A. SYARAT PEMBELIAN RUMAH DI BAWAH KATEGORI PLATINUM, GOLD DAN SILVER

Peserta diberi tempoh selama **satu (1) tahun** selepas tarikh endorsement Pas MM2H untuk melengkapkan urusan pembelian rumah.

### B. SYARAT PEMBELIAN RUMAH DI BAWAH KATEGORI ZON KHAS EKONOMI/ ZON KHAS KEWANGAN (ZEK/ ZKK)

Berdasarkan libat urus bersama Pihak Berkuasa Negeri Johor, dimaklumkan bahawa lokasi bagi tujuan pembelian rumah di bawah kategori Zon Khas Ekonomi/ Zon Khas Kewangan adalah di **Forest City, Johor sahaja**. Syarat-syarat pembelian rumah di kawasan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Peserta perlu memiliki atau membuat pembelian rumah sebelum endorsement Pas MM2H dilaksanakan;
- ii. Pembelian rumah hanya daripada **syarikat pemaju hartanah di Forest City** sahaja dan bukan pembelian dari pihak ketiga;
- iii. Syarikat pengendali Program MM2H perlu memaklumkan transaksi jual beli rumah perumahan di Forest City kepada Invest Malaysia Facilitation Centre Johor (IMFC-J)

### C. MATAWANG BAGI AKAUN SIMPANAN TETAP

Simpanan tetap adalah digalakkan dibuat di dalam matawang Ringgit Malaysia (MYR) yang setara dengan nilai Dolar Amerika (USD) bagi setiap kategori.

#### **D. SYARAT PENGELUARAN AKAUN SIMPANAN TETAP (*FIXED DEPOSIT*) BAGI TUJUAN PEMBELIAN RUMAH**

Syarat kelayakan bagi pengeluaran sebanyak 50% bagi tujuan pembelian rumah adalah seperti berikut:

- i. Kategori Platinum, Gold dan Silver  
Pembelian rumah dibuat **dalam tempoh dua (2) tahun** sebelum tarikh endorsement Pas MM2H.
  
- ii. Kategori Zon Ekonomi Khas/ Zon Kewangan Khas (ZEK/ ZKK)  
Pembelian rumah dibuat **dalam tempoh (6) bulan** sebelum tarikh endorsement Pas MM2H.

*Nilai rumah semasa yang dibeli sebelum tarikh endorsement perlu mengikut nilai minimum rumah bagi setiap kategori.*

#### **E. LAIN-LAIN**

- i. Pelaksanaan sesi temu duga

PDRM akan melaksanakan sesi temuduga secara rawak ke atas bakal peserta Program MM2H sebagai penambahbaikan selain daripada proses tapisan keselamatan sedia ada.

- ii. Borang maklumat perumahan

OSC MM2H telah memperkenalkan borang pengesahan maklumat perumahan peserta MM2H bagi tujuan rekod dan pelaporan kepada pihak-pihak berkaitan.

- iii. Surat kelulusan secara isyarat

Surat kelulusan secara isyarat akan dilampirkan bersama Surat Kelulusan Bersyarat (SKB) bagi permohonan yang memerlukan maklumat tambahan seperti maklumat pekerjaan/ pendapatan atau maklumat-maklumat tambahan berkaitan tanggungan (isteri, anak dan ibubapa).